

Dr. M gesa tolak Bush

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

MM - 18/10/2004: 1 & 2 Perdana

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa umat Islam di Amerika Syarikat (AS) bersatu menyingkirkan Presiden George W. Bush pada pilihan raya Presiden negara itu 2 November ini demi Islam dan keadilan.

Bekas Perdana Menteri menegaskan Bush mesti disingkirkan kerana beliau menjadi punca umat Islam menderita sejak empat tahun lalu, iaitu yang terburuk sepanjang sejarah perkembangan Islam.

Katanya, terdapat kaitan yang sangat jelas antara nasib umat Islam yang ketika ini dihina dengan polisi dan cara pemikiran Bush sejak mula memimpin AS pada Januari 2001.

"Kita tidak boleh mengharapkan banyak perubahan polisi AS terhadap Islam dan umatnya walaupun di bawah Parti Demokratik atau Republikan tetapi tugas kita ialah memastikan Bush tidak lagi menjadi penentu nasib kita untuk empat tahun lagi.

"John Kerry mungkin tidak ada bezanya tetapi calon-calon Presiden AS mesti disedarkan bahawa dalam demokrasi negara itu, umat Islam mempunyai suara dan mampu mempengaruhi pemilihan pucuk pimpinan negara itua.

"Saudara-saudara sekalian, singkirkan Bush dari White House kerana itu adalah ibadah," tegasnya dalam surat terbukanya kepada umat Islam AS yang dipetik dari laman web [www. IslamiCity. com](http://www.IslamiCity.com).

Gesaan Dr. Mahathir itu mendapat respons positif apabila lima pandangan daripada umat Islam di AS, Bahamas dan Kanada menyuarakan sokongan kepada gepeaan itu.

Malahan mereka yang bakal mengundi pada 2 November ini, berjanji akan memastikan seluruh anggota keluarga menyokong John Kerry.

Hanya seorang sahaja tidak bersetuju untuk mengundi Kerry disebabkan dasar-dasar calon Presiden itu yang berhasrat menaikkan cukai di kalangan masyarakat pertengahan serta menghalalkan perkahwinan sama jenis.

Kerry dari Parti Demokratik ketika ini mendahului persaingan merebut jawatan Presiden AS selepas tiga perdebatan umum.

Walaupun Bush menyuarakan keyakinan dapat mempertahankan kedudukannya, namun jentera kempen pilihan raya beliau kini berhempas pulas memenangi hati para pengundi dan meyakinkan penyokong Republikan bahawa Presiden itu mampu untuk terus kekal di White House.

Menurut Dr. Mahathir, Presiden AS telah membuktikan kepada dunia bahawa beliau sendiri sebenarnya menjadi puca tragedi di Afghanistan, Palestin dan Iraq.

Katanya, rakyat di negara-negara terbabit termasuk kanak-kanak, wanita, penduduk yang tidak berkeupayaan dan menderita terus dibunuh di negara mereka.

"Atas alasan kononnya mahu menghapuskan pengganas, seluruh penduduk bandar dan kampung dimusnahkan dengan serangan roket dan bom," ujarnya.

Di Palestin pula, katanya, kereta kebal milik Yahudi menyerang kampung-kampung dan bandar dengan membunuh lelaki, wanita dan kanak-kanak yang tidak bersalah.

"Semua ini dilakukan dengan perakuan Presiden Bush dan kuasa veto AS dalam Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB); dan tidak dapat dinafikan beliau akan meneruskan (sikap itu) jika dipilih semula," jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir, bilangan umat Islam di AS walaupun tidak ramai tetapi di kawasan tertentu, mereka mampu membuat perubahan.

"Adalah menjadi tugas kita menyampaikan mesej kepada calon-calon itu bahawa mereka mesti bersikap adil kepada semua anggota masyarakat di AS jika mahu memerintah negara," jelasnya.

Kata beliau, jika penduduk Islam AS gagal 'menjatuhkan' Bush, sekurang-kurangnya mereka dapat mengurangkan majoriti.

Namun begitu, jelasnya, dengan izin Allah, Bush akan kalah dan Kerry akan menyedari kemenangannya adalah kerana sokongan penduduk Islam.

"Insya Allah, Presiden Kerry akan ingat kepada umat Islam AS apabila memerintah negara nanti," jelas Dr. Mahathir.